

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTA JAM]

SOALAN

TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTA JAM] minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan keluasan hutan simpan kekal bagi setiap negeri dari tahun 2010 sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Semasa Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro pada tahun 1992, Malaysia telah menyatakan komitmennya untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah negara supaya dilitupi pokok-pokok dan kawasan berhutan.
2. Pada masa kini, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) menggunakan data hutan bagi tahun 2018 yang telah disahkan melalui proses verifikasi dan pengesahan berdasarkan data hutan yang dikumpul dan diselaraskan daripada ketiga-tiga wilayah iaitu Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Proses verifikasi dan pengesahan ini dilakukan bagi membolehkan data tersebut digunakan sebagai data rasmi negara di peringkat nasional dan antarabangsa. Proses ini melibatkan pengesahan daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah dan Jabatan Hutan Sarawak selaku pemilik (*custodian*) kepada data hutan tersebut.
3. Keluasan hutan simpanan kekal (HSK) bagi tahun 2010 hingga 2018 yang telah diselaraskan, disahkan dan dimuktamadkan oleh ketiga-tiga wilayah (Semenanjung, Sabah dan Sarawak) dari tahun 2010 hingga kini di Semenanjung adalah seluas 4.80 juta hektar, di Sabah seluas 1.91 juta hektar dan di Sarawak seluas 4.21 juta hektar. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

SOALAN

TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan peruntukan yang diberikan kepada perpustakaan desa di Parlimen Bayan Baru (Kg Jawa dan Permatang Damar Laut) dari 2016-2020. Apakah perancangan untuk menaik taraf infra dan perkhidmatan wifi di perpustakaan desa di Parlimen Bayan Baru.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormt, terdapat sebanyak 81 buah Perpustakaan Desa di negeri Pulau Pinang. Daripada jumlah tersebut, 32 buah perpustakaan desa ditadbir urus oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), sebuah agensi di bawah seliaan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), manakala selebihnya ditadbir urus oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pulau Pinang (PPAPP). Perpustakaan Desa Kampung Jawa dan Perpustakaan Desa Permatang Damar Laut di kawasan Parlimen Bayan Baru adalah di bawah tadbir urus PNM.

2. Pada tahun 2021, sebanyak RM1.38juta telah diperuntukkan untuk pengurusan semua perpustakaan desa di bawah seliaan PNM di Pulau Pinang. Daripada jumlah tersebut, RM86,745 telah diperuntukkan untuk Perpustakaan Desa Kampung Jawa dan Perpustakaan Desa Permatang Damar Laut.

3. Pada tahun 2020, sebanyak RM2juta telah diperuntukkan untuk perolehan peralatan ICT kepada semua perpustakaan desa PNM termasuk di Parlimen Bayan Baru bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat setempat.

4. Dalam usaha menaik taraf infra dan perkhidmatan wifi di Perpustakaan Desa, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah menjalinkan kerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sejak tahun 2019 melalui Projek Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara atau (NFCP). Projek ini dijangka dapat meningkatkan kebolehcapaian internet dengan sasaran sekurang-kurangnya 70% perpustakaan desa di seluruh Malaysia.

Sekian, terima kasih.